

TARIKH	12 / 2 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	SETEMPAT

Menjaga amanah 8.3j pendeposit

Pendapatan Tabung Haji bagi 2013 meningkat 34 peratus kepada RM3.7 bilion



Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@mediaprima.com.my

Kestabilan serta kekuatan sektor domestik, kerancangan pasaran modal dan pemulihan ekonomi antarabangsa memberi manfaat kepada Lembaga Tabung Haji (TH) dalam melabur pulangan pelaburan yang lebih baik.

Pulangan ini juga hasil pembabitan TH secara langsung dan tidak langsung dalam pelbagai sektor melalui aktiviti pelaburan patuh syariah.

Selaras dengan tujuan dan konsep TH, simpanan di institusi ini adalah untuk merealisasikan impian pendeposit menunaikan fardu haji.

Konsep simpanan

berlandaskan Al-Wadi'ah Yad Dhamanah ini dijamin sepenuhnya oleh kerajaan dan bonus kepada pendeposit adalah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa.

Bagi memastikan pulangan kompetitif dan munasabah kepada pendeposit, TH sentiasa

merangka pelbagai pelan perniagaan jangka pendek dan panjang. Dalam tempoh setengah dekad TH tampil dengan pencapaian prestasi kewangan yang amat membanggakan.

Pada 2013, TH mencatat sejarah sekali lagi dari segi prestasi kewangan dengan mencatatkan pendapatan melebihi RM3 bilion buat julung kali manakala keuntungan selepas zakat pula melebihi RM2 bilion buat kali kedua berturut-turut.

Pendapatan keseluruhan TH pada 2013 berjumlah RM3.7 bilion, adalah satu peningkatan sebanyak RM951 juta atau 34 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM2.8 bilion iaitu melebihi tiga kali ganda pendapatan TH pada 2006.

Keuntungan bersih selepas zakat TH mencecah RM2.6 bilion berbanding RM2.1 bilion pada 2012, iaitu peningkatan sebanyak 23 peratus menunjukkan peningkatan lebih empat kali ganda keuntungan pada 2006.

Pencapaian ini juga menghasilkan nilai tambah sebanyak RM11.8

bilion kepada dana pendeposit sejak 2006.

Kadar Bonus Tahunan 2013 pula adalah sebanyak enam peratus dengan jumlah pembayaran sebanyak RM2.4 bilion iaitu peningkatan sebanyak 14.3 peratus berbanding 2012 (RM2.1 bilion).

TH menawarkan pulangan yang lebih kompetitif jika dibandingkan dengan kadar pulangan daripada akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional.

Malah, berdasarkan sumber daripada Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pulangan akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional tahun lalu adalah masing-masing 2.99 peratus dan 3.15 peratus manakala bonus tahunan TH sebanyak enam peratus adalah tiga mata asas lebih tinggi daripada bank komersil berkenaan.

TH mempunyai seramai 8.3 juta pendeposit dan seramai 77 juta atau 93 peratus daripada jumlah keseluruhan ini masih belum menunaikan haji. Keutamaan pemberian

Bonus Haji pada tahun ini adalah kepada pendeposit yang masih belum mempunyai wang yang cukup untuk menunaikan haji.

Pemberian Bonus Haji ini juga mengukuhkan iltizam TH dalam menjaga kebajikan pendeposit yang kurang berkemampuan untuk menunaikan haji selain pemberian subsidi saban tahun.

Bonus Haji yang merupakan bonus tambahan dua peratus ini diberikan kepada 77 juta pendeposit membabitkan agihan kewangan sebanyak RM223 juta.

TH terus mendapat kepercayaan umat Islam di negara ini saban tahun apabila bilangan pendeposit bertambah kepada 8.3 juta dengan dana terkumpul meningkat kepada RM43.1 bilion, iaitu peningkatan 13

peratus berbanding 2012 (RM38.3 bilion).

Dana pendeposit meningkat hampir tiga kali ganda sejak awal 2006, sekali gus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada TH.

TH sentiasa mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal, walaupun sentiasa dipengaruhi oleh kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

Langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kematapan pengurusan operasi, memacu TH untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pelaburan patuh syariah.

Prestasi TH yang konsisten saban tahun yang lalu mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, ahli panel pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota TH dalam memastikan penajaman pulangan yang berterusan serta sokongan padu daripada pendeposit secara amnya.

Bonus Pendeposit Tabung Haji 2006 - 2013

